



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI

SIARAN MEDIA

J-KOM DAN KPM PERKASA BELIA MELALUI PROGRAM 'BELIA PRIHATIN NEGARA MADANI'

Ipoh, 1 April 2026 – Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) dengan kerjasama strategik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hari ini melancarkan Program Belia Prihatin Negara MADANI, sebuah inisiatif berimpak tinggi yang bertujuan memperkukuh jati diri, daya tahan pemikiran serta literasi digital golongan belia dalam mendepani cabaran era digital masa kini.

Program yang berlangsung di Dewan Seri Tanjung, Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh itu telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Azam bin Ahmad, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) dengan penyertaan seramai 1,500 peserta yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah. Penganjuran ini mencerminkan komitmen serta sokongan padu IPG Kampus Ipoh sebagai rakan pelaksana utama, yang berjaya menghimpunkan warga pendidik secara berskala besar, sekali gus memperluas capaian dan impak program kepada generasi bakal guru secara menyeluruh.

Inisiatif ini menggabungkan elemen kenegaraan, literasi digital dan penghayatan budaya sebagai pendekatan holistik dalam pembangunan belia, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk melahirkan generasi berilmu, berintegriti dan berkeupayaan tinggi. Program ini turut memberi fokus kepada dua cabaran utama semasa, iaitu ancaman keselamatan siber dan krisis jati diri dalam kalangan belia. Sehubungan itu, pelbagai pengisian bersepadu telah dirangka bagi meningkatkan kesedaran, kefahaman serta keupayaan belia untuk mendepani cabaran tersebut secara matang dan berhemah.

Antara pengisian utama program adalah seperti berikut:

- **Kempen Internet Selamat** dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta NADI, yang menekankan aspek literasi digital, keselamatan siber dan pencegahan penipuan dalam talian;
- **Demonstrasi Seni Silat Cekak Perak** sebagai usaha memperkukuh identiti budaya, warisan bangsa dan semangat cintakan negara; dan

- **Townhall Kenegaraan** yang menampilkan Ketua Pengarah J-KOM, YBhg. Dato' Ismail bin Yusop, bersama-sama YBhg. Datuk Dr. Budiman Mohd Zohdi, Penasihat Strategik J-KOM, dalam sesi interaktif membincangkan peranan belia sebagai pemacu naratif negara serta kepentingan kefahaman dasar dalam mempertahankan identiti nasional.

Penganjuran program ini turut didukung melalui kerjasama pelbagai rakan strategik merangkumi sektor pendidikan, agensi kerajaan, komuniti serta pertubuhan bukan kerajaan, sekali gus mencerminkan pendekatan menyeluruh kerajaan dalam memperkasa agenda pembangunan belia negara.

Melalui inisiatif ini, J-KOM dan KPM komited untuk melahirkan generasi pendidik dan belia yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, malah memiliki keteguhan nilai, jati diri yang mantap serta keupayaan digital yang tinggi, sejajar dengan hasrat membina masyarakat yang sejahtera, berilmu dan berdaya tahan di bawah kerangka Malaysia MADANI.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM)